



**INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

**TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN
PENYEDIA LATIHAN BAGI KURSUS PENSIJILAN
INDUSTRI *CERTIFIED ENVIRONMENTAL*
PROFESSIONALS IN THE OPERATION OF INDUSTRIAL
EFFLUENT TREATMENT SYSTEMS (BIOLOGICAL
PROCESSES) -CEPIETSO-BP ANJURAN JABATAN
ALAM SEKITAR MALAYSIA**



INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN PENYEDIA LATIHAN BAGI KURSUS PENSIJILAN INDUSTRI ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) sebagai Institut Latihan bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kursus-kursus pensijilan bagi melatih kakitangan industri bagi diperaku sebagai Orang Yang Berwibawa sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Seksyen 49A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2012 dan peraturan-peraturan berkaitan di bawahnya.
- 1.2. Kakitangan industri yang mempunyai kelayakan perlu melalui proses pensijilan yang telah ditetapkan E/MAS bermula dengan mendaftar dan menghadiri kursus pensijilan industri yang dijadualkan E/MAS sepanjang tahun.
- 1.3. Bagi tujuan melaksanakan kursus pensijilan ini, E/MAS memerlukan Penyedia Latihan yang berkelayakan bagi mengendalikan sesi kursus ini mengikut jadual yang ditetapkan E/MAS.
- 1.4. Bagi tujuan ini, E/MAS berhasrat untuk membuka tawaran kepada syarikat Penyedia Latihan bagi membekalkan perkhidmatan Penyedia Latihan bagi Kursus Pensijilan Industri *Certified Environmental Professionals In The Operation Of Industrial Effluent Treatment Systems (Biological Processes)* -CEPIETSO-BP anjuran Insititut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS).
- 1.5. Tawaran ini dibuka **mulai 15 Disember 2025 (Isnin) dan ditutup pada 29 Disember 2025 (Isnin)**. Pemohon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan yang berkaitan untuk dinilai Jawatankuasa Panel Pensijilan JAS.



2.0 SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Pemohon berjaya dikehendaki melaksanakan penganjuran kursus pensijilan bermula daripada pendaftaran peserta, melaksanakan kursus pensijilan mengikut silibus ditetapkan E/MAS, menyediakan tenaga pengajar yang kompeten, peralatan bantu mengajar, bahan-bahan kursus dan kemudahan fasiliti yang berkaitan bagi latihan dan peperiksaan mengikut sesi yang ditetapkan E/MAS.

Tajuk	<i>Certified Environmental Professionals In The Operation Of Industrial Effluent Treatment Systems (Biological Processes) -CEPIETSO-BP</i>
Tempoh Kursus	5 hari penuh 8.00 pagi – 6.00 petang
Kadar Yuran	RM 5000.00 / peserta • tidak termasuk cukai • tidak termasuk penginapan (penginapan atas tanggungan peserta)
Sasaran Peserta	Individu yang terlibat dengan bengkel yang bukan dikategorikan di bawah sektor industri (contoh: Bengkel Automotif, Bengkel Mengecat, Bengkel Kimpalan, Bengkel Ladang dan lain lain)
Kelayakan Peserta	• Warganegara Malaysia • Minimum Ijazah Sarjana Muda /Diploma dalam bidang Sains atau Kejuruteraan; atau • Sijil dari Politeknik atau Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dengan satu (1) tahun pengalaman dalam pengoperasian dan penyeliaan IETS; atau • Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan



	tiga (3) tahun pengalaman dalam pengoperasian IETS.
Modul Kursus	Module 1: • <i>The IETS Operator</i> Module 2: • <i>Understanding the Legal Framework</i> Module 3: • <i>Characteristic of Industrial Effluent</i> • <i>Characteristic of Industrial Effluent</i> Module 4: • <i>Overview of Industrial Effluent Treatment System (IETS)</i> Module 5 : • <i>Biological Treatment Process</i> Module 6 : • <i>Rationale for Conducting PM of IETS</i> Module 7 : • <i>PM Parameters for an Activated Sludge Process</i> • <i>The Working Concept</i> Module 8: • <i>How to Control Activated Sludge Process</i> Module 9 : • <i>Sampling</i> Module 10 : • <i>Performance Monitoring Laboratory Session</i> • <i>Introduction to IETS</i> • <i>pH meter calibration & flow measurement</i> • <i>Hands-on</i> • <i>COD test and digestion</i> • <i>COD Reading</i> • <i>SVI, DO, Scheshi Disc</i> • <i>MLSS & MLVSS</i>



	• <i>BOD measurement & test</i> • <i>BOD loading, SVI, F/M, Solid Inventory, RAS, WAS</i> • <i>Hands-on Nutrient test (phosphorus & ammonia-nitrogen)</i> Module 11 : • <i>Data Analysis and Interpretation</i> • <i>Computer (Excel statistical analysis)</i> Module 12 • <i>Record Keeping & Reporting</i> • <i>Written Examination</i>
--	---

2.2 Pemohon yang berjaya dikehendaki memberi kerjasama dan bantuan kepada E/MAS di dalam khidmat nasihat teknikal dan kepakaran bagi melaksanakan kursus pensijilan dengan jayanya. Sebarang item serta keperluan yang pada asalnya tidak dicadangkan oleh pemohon yang berjaya dalam dokumen permohonan yang dikemukakan tetapi diperlukan untuk menjayakan tujuan dan objektif penganjuran kursus pensijilan ini, ianya hendaklah dibekalkan dan ditanggung oleh syarikat pemohon tersebut.

2.3 Pemohon yang berjaya **WAJIB** menandatangani kontrak perjanjian perkhidmatan penyedia latihan antara E/MAS dan syarikat Penyedia Latihan.

3.0 SYARAT-SYARAT

3.1 Spesifikasi keperluan serta syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh syarikat pemohon yang berminat adalah seperti berikut :-

3.1.1 Tawaran sebagai Penyedia Latihan bagi Kursus Pensijilan dibuka untuk kursus pensijilan *Certified Environmental Professional In IETS Operation – Biological Process (CePIETSO-BP)*.



- 3.1.2 Pemohon dibenarkan memohon kursus pensijilan seperti dinyatakan di perkara 3.1.1. Kursus pensijilan hendaklah dilaksanakan pada satu lokasi penganjuran kursus sepertimana Jadual di bawah:

Bil	Kursus Pensijilan	Keutamaan Lokasi Penganjuran Kursus
1	CePIETSO-BP	Terbuka

- 3.1.3 Pemohon perlulah berdaftar atau diperbadankan di Malaysia di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Pendaftaran Syarikat).
- 3.1.4 Pemohon perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221110 yang tempoh sijil pendaftarannya masih berkuatkuasa.
- 3.1.5 Pemohon hendaklah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh bagi melaksanakan kursus pensijilan ini.
- 3.1.6 Pemohon hendaklah mempunyai tenaga pengajar yang kompeten, mahir, berpengetahuan dalam bidang subjek kompetensi, menunjukkan pematuhan berterusan sebagai Orang Yang Berwibawa, berpengalaman luas dalam bidang subjek kompetensi serta perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan dibawahnya termasuk melibatkan polisi, garis panduan dan sistem aplikasi yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- 3.1.7 Pemohon hendaklah berupaya menyediakan peralatan bantu mengajar bagi tujuan pembelajaran subjek kompetensi, sesi *hands-on* dan peperiksaan yang akan digunakan sepanjang sesi kursus pensijilan dilaksanakan.



- 3.1.8 Pemohon hendaklah berupaya menyediakan fasiliti latihan serta kakitangan sokongan bagi sesi kursus pensijilan supaya dapat dilaksanakan dengan lancar dan kondusif.
- 3.1.9 Tempoh sah bagi tawaran melalui dokumen permohonan yang disediakan syarikat pemohon ini adalah **90 hari** dari tarikh tawaran ini ditutup, dan kos penyediaannya adalah tanggungjawab syarikat sendiri.
- 3.1.10 Permohonan yang dikemukakan hendaklah dalam bentuk kertas cadangan yang terperinci meliputi spesifikasi yang dinyatakan pada para 3.1.1 hingga 3.1.8, ditaip dengan lengkap, kemas dan terang dengan menyertakan dokumen bukti salinan lampiran bagi menyokong perincian cadangan yang dibuat.
- 3.1.11 Jadual 1 - Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal hendaklah ditaip dengan lengkap dan dilampirkan bersama di dalam dokumen permohonan.
- 3.1.12 Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah disediakan **sebanyak 3 salinan dan djilidkan**, dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang **berlakri (sealed)** dan ditanda pada bahagian atas kiri sampul surat itu dengan tajuk permohonan dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti alamat di bawah selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari, 29 Disember 2025 (Isnin).

Pengarah

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)

Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor Daru Ehsan



3.1.13 Setiap cadangan yang dibuat mestilah lengkap dan jelas. Risalah, brosur dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah disertakan dalam permohonan.

3.1.14 Jabatan tidak terikat untuk mempersetujui tawaran perkhidmatan yang dikemukakan. Jabatan juga tidak bertanggungjawab memberi apa-apa alasan bagi penolakan sebarang permohonan yang dikemukakan dan keputusan mengenainya adalah muktamad.

3.1.15 Jabatan adalah berhak untuk memilih samada untuk menerima atau menolak mana-mana tawaran perkhidmatan bagi melaksanakan kursus pensijilan yang ditawarkan oleh pemohon.

3.1.16 Kerajaan tidak akan bertanggungjawab bagi, ataupun membayar apa-apa perbelanjaan ataupun kehilangan yang mungkin ditanggung oleh syarikat Pemohon berminat dalam menyedia dan memajukan dokumen permohonan mereka.

4.0 TANGGUNGJAWAB PENYEDIA LATIHAN

4.1 Perancangan Program Tahunan

- a) Penyedia Latihan hendaklah mengemukakan jadual tahunan penganjuran kursus kompetensi yang dimohon dan perlu mendapatkan kelulusan daripada EIMAS.
- b) Penyedia latihan perlu menyediakan risalah mengenai kursus yang dijalankan dan mengadakan promosi atas perbelanjaan sendiri.

4.2 Permohonan peserta menghadiri kursus

- a) Penyedia latihan hendaklah memproses permohonan peserta yang berminat menyertai kursus dengan menggunakan kaedah borang yang ditetapkan EIMAS



- b) Penyedia Latihan hendaklah membuat saringan peserta mengikut kelayakan penyertaan kursus yang ditetapkan oleh EiMAS.
- c) Penyedia latihan hendaklah mengemukakan senarai peserta yang mendaftar mengikut kursus dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum kursus dilaksanakan. Senarai peserta akan dimajukan kepada EiMAS menggunakan kaedah yang ditetapkan.
- d) Penyedia latihan hendaklah menguruskan pembayaran yuran peserta kursus sepertimana ditetapkan EiMAS.

4.3 Bilangan kehadiran peserta

- a) Penyedia Latihan hendaklah memastikan bilangan peserta yang mengikut kursus tidak melebihi dua puluh lima (25) orang pada satu-satu masa.
- b) Sekiranya bilangan peserta adalah melebihi 25 orang, Penyedia Latihan hendaklah memaklumkan EiMAS dalam tempoh dua (2) minggu sebelum pelaksanaan kursus.
- c) Kursus tidak dibenarkan dijalankan tanpa kelulusan EiMAS sekiranya bilangan peserta kurang daripada lima belas (15) orang.

4.4 Semasa pelaksanaan kursus

- a) Penyedia latihan hendaklah memastikan peserta hadir kursus pada setiap sesi. Rekod kehadiran kursus hendaklah disediakan;
- b) Penyedia latihan hendaklah mengedarkan semua bahan kursus kepada peserta sebelum kursus bermula;
- c) Penyedia Latihan hendaklah mengendalikan kursus dengan menggunakan modul kursus yang diluluskan oleh EiMAS. Sekiranya terdapat cadangan



penambahbaikan kepada modul kursus, Penyedia Latihan hendaklah mengemukakan kepada E/MAS untuk tujuan kelulusan;

- d) Penyedia latihan hendaklah memastikan tugas setiap peserta disiapkan dan disemak. Tenaga pengajar hendaklah memberi markah yang sewajarnya untuk setiap tugas yang dihantar oleh Peserta;
 - e) Penyedia Latihan hendaklah mengeluarkan sijil kehadiran kursus kepada peserta yang berdaftar dan hadir ke sesi yang dijalankan;
 - f) Penyedia Latihan hendaklah membuat penilaian kursus menggunakan sistem *National Registry of Certified Environmental Professionals* (NRCEP) atau apa-apa sistem yang ditetapkan E/MAS dan perlu dikemukakan kepada E/MAS dalam tempoh satu (1) bulan selepas kursus selesai dijalankan.
- 4.5 Bagi memastikan kualiti latihan dan fasiliti yang disediakan, E/MAS boleh mengadakan pemeriksaan dan audit pada bila-bila masa tanpa notis atau pemakluman awal.
- 4.6 Penyedia latihan hendaklah memberi bantuan kepada urusetia, pegawai audit atau pengawas peperiksaan E/MAS sekiranya diperlukan.
- 4.7 Penyedia Latihan mesti mengamalkan dan mempamerkan profesionalisme dan memastikan latihan yang berkualiti diberikan kepada peserta.
- 4.8 Penyedia Latihan perlu mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima daripada peserta atau Jabatan Alam Sekitar berkaitan pengurusan/ perlaksanaan kursus dan mengemukakan laporan kepada E/MAS.
- 4.9 Penyedia Latihan hendaklah membuat Bayaran Sumbangan kepada Kerajaan selewatnya dalam masa 60 hari selepas Perkhidmatan disempurnakan atau pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Kerajaan.



- 4.10 Perkhidmatan oleh Penyedia Latihan ini boleh ditamatkan EiMAS sekira didapati tidak mematuhi terma dan syarat perjanjian yang akan diwujudkan serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Syarikat yang berjaya akan dihubungi oleh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) selepas proses penilaian dan pemilihan dijalankan dan keputusan adalah muktamad.

- 5.2 Sebarang pertanyaan bertulis boleh dirujuk kepada:

Pengarah
Institut Alam Sekitar Malaysia
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Beg Berkunci No 24
43600, UKM Bangi
Tel : 03-89261500

Untuk pertanyaan lanjut, rujukan boleh dibuat kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Encik Mohamad Fitri bin Said
Ketua Penolong Pengarah
Institut Alam Sekitar Malaysia
Tel : 03-4010 1440 e-mel : mdfitri@doe.gov.my
- ii. Encik Mohamed Fauzi bin Abdul Aziz
Penolong Pengarah Kanan
Institut Alam Sekitar Malaysia
Tel : 03-4010 1441 e-mel : fauzi@doe.gov.my